




# IMPULS

rasional

profesional

integriti



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 2008

PERSATUAN ALUMNI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



LB  
2411  
.I47  
2008  
a  
v1



Tanggal 6 Januari 2007 Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM) telah mencatat sejarahnya yang tersendiri dengan berlangsungnya Majlis Pelancaran Alumni dan Majlis Makan Malam Sireh Pulang Ke Gagang buat julung kalinya di Hotel City Bayview, Melaka. Diharap dengan penubuhan Alumni UTeM ini akan memberi impak dan pengertian tersendiri kepada graduan UTeM khususnya dalam mengeratkan siratulrahim dan secara tidak langsung dapat menyumbang kembali kepada perkembangan universiti serta dapat memartabatkan imej UTeM sebagai sebuah IPTA Teknikal Pertama di Malaysia.



Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Persatuan Alumni UTeM melalui Majlis Tertinggi bagi memastikan penubuhan Alumni UTeM ini memberi impak yang berguna dalam membantu graduan UTeM dari pelbagai aspek.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh setiap individu dan kepada semua sidang redaksi IMPULS dalam memastikan buletin ini diterbitkan untuk pertama kalinya bagi edisi 1/2008. Di harap kerjasama ini akan terus berkekalan dan dihargai.

Akhir kata, kepada semua alumni saya mengucapkan selamat maju jaya dan salam hormat.

3	Kata Aluan Naib Cancellor Kata Aluan Dekan HEPA Kata Aluan Presiden AUTeM	10-11	Aktiviti HEPA Bersama AUTeM Artikel & Borang Keahlian
4	Wawancara Presiden Autem		
5	Pengurusan Tertinggi Universiti Aktiviti 2007		
6-7	Galeri Gambar	12	10 Kelebihan Ilmu Peluang Bagi Siswa Menganggur
8-9	Carta Organisasi Majlis Pelancaran Alumni Mesyuarat Agung AUTeM Kali -1		

**PENAUNG**  
Prof. Madya Dr.Zolkepli B. Buang

**PENASIHAT**  
En.Zainudin B. Ahmad

**PENYELARAS**  
En.Tinta Firmannika B. Selamat

**EDITOR**  
En. Mohd Asmizar B. Abu Bakar

**PENGARANG**  
En. Azrul B. Aziz  
Cik Shafika Hani Bt. Mohd Bakri  
En. Syamsul Iqbal B. Haji Mohd Akin

**PEMBACA PRUF**  
En. Syamsul Iqbal B.Mohd Akin  
Cik Noraisah Bt. Kamaruddin

**PUBLISITI & PROMOSI**  
Persatuan Alumni AUTeM

Unit Alumni & Kerjaya  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
75450 Ayer Keroh  
Melaka.  
Tel : 06-233 2146/2669  
Fax : 06-233 2441/2140  
Website : [www.utem.edu.my](http://www.utem.edu.my)





**DATUK PROFESOR IR ISMAIL BIN HASSAN**  
Naib Canselor UTeM

## KATA ALUAN NAIB CANSELOR

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya dapat saya mencatatkan sepatah dua kata di dalam buletin pertama Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) yang dikenali sebagai IMPULS ini. Diharapkan dengan penerbitan edisi pertama buletin ini akan memberi manfaat dan kebaikan kepada semua alumni UTeM untuk mengenali Persatuan dengan lebih dekat lagi

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) terutama sidang redaksi dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & ALumni UTeM yang bertungkus lumus bagi merealisasikan penerbitan sulung buletin ini.

Adalah menjadi matlamat dan harapan utama pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka untuk menjadikan alumni sebagai tonggak dan 'Think tank' kepada pihak universiti dalam usaha merealisasikan misi dan visi universiti. Sehubungan itu, terbitan IMPULS secara berkala adalah amat penting sebagai penyaluran pelbagai aktiviti dan maklumat Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) yang pastinya akan merapatkan hubungan antara semua alumni universiti ini.

Adalah besar harapan saya agar Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) akan terus memainkan peranan sebagai jambatan yang menghubungkan alumni-alumni UTeM dengan pihak Universiti. Semoga dengan hubungan murni yang dijalin akan memberi impak ke arah pencapaian matlamat universiti yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Syabas,

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"



**PROF. MADYA DR. ZOLKEPLI BIN BUANG**  
Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM

## KATA ALUAN DEKAN HEPA

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya terhasillah penerbitan buletin sulung Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) yang dikenali sebagai IMPULS. Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi dan Unit Alumni & Kerjaya HEPA yang berhempas pulas menjayakan penerbitan ini.

Sebagai PTJ yang bertanggungjawab menyelaras hal ehwal perhubungan antara Alumni dan Universiti, saya merasakan kehadiran IMPULS adalah bertepatan dengan hasrat UTeM yang meletakkan Alumni sebagai teras untuk memenuhi misi dan visi universiti. Peranan Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) sebagai hub kepakaran dan sumber rujukan kepada ahli persatuan dan juga kepada mahasiswa-mahasiswa UTeM sendiri.

Justeru, rasa bangga saya zahirkan dengan menyatakan bahawa pihak Universiti menerusi Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni akan sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada pihak Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dalam segala bentuk program dan aktiviti yang akan di laksanakan oleh pihak persatuan. Kepada pihak Jawatankuasa Persatuan, sekalung ucapan tahniah diucapkan kerana berjaya menerbitkan buletin ini.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada pihak Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) di atas usaha murni dan kerja keras mereka sehingga terbitnya buletin sulung persatuan ini... Selamat Maju Jaya diucapkan...

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Salam hormat,  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**AZRUL BIN HJ. AZIZ**  
Presiden AUTeM

## KATA ALUAN PRESIDEN AUTeM

Saya bersyukur kerana diberi penghormatan untuk menyampaikan salam buat alumni UTeM. Pengalaman selama 6 tahun bersama *alma mater* ini menunjangkan lagi akar umbi saya sebagai alumni UTeM. Sepertimana yang anda sedia maklum, kemampuan tradisi cemerlang Universiti ini dalam melahirkan graduan yang berdaya saing sentiasa diuji supaya dapat mengekalkan reputasinya dalam menghasilkan graduan yang berkualiti yang diperlukan oleh industri global. Dalam pada UTeM bergerak ke hadapan untuk menggalakkan alumni bagi menyokong kecemerlangan akademik, kami amat mengalu-alukan alumni UTeM untuk memaksimumkan kekuatan institusi ini dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti anjuran Universiti supaya matlamat untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing yang diperlukan oleh pasaran dapat dicapai.

Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan maklumat alumni melalui laman web dan melalui pendedaran buletin "IMPULS" kepada alumni. Fokus utama persatuan ini ialah mengemaskini dan mengurus pangkalan data alumni melalui 'Kajian Menjejaki Alumni'. Pangkalan data ini mengandungi portfolio senarai pakar dari alumni UTeM yang boleh diundang mengambil bahagian dalam aktiviti seperti seminar, bengkel atau ceramah bertujuan membawa alumni kembali ke kampus. Aktiviti ini berbentuk interaksi antara pelajar dan pakar dan boleh diadakan di Fakulti atau di Kolej Kediaman.

UTeM telah mencapai umur 7 tahun, satu umur yang dianggap remaja dan stabil bertepatan dengan masanya alumni untuk pulang ke *alma mater*. Buat masa ini, terdapat 1,322 alumni UTeM sedang berkhidmat di serata pelusuk negara. Doa kami di pihak Persatuan, agar semua sahabat Alumni sekalian akan terus maju jaya dan menjadi pengisi kepada kemajuan Malaysia kelak. Jadilah sebahagian daripada perkembangan ini, kembali dan berkongsi kejayaan anda bersama *alma mater*.

Salam Hormat  
PROFESIONAL, INTEGRITI, RASIONAL

LB2411 .I47 2008 v1



87516541



KI/AMT/MAGS/OKI  
N: 123058  
87516541

# WAWANCARA BERSAMA PRESIDEN PERSATUAN ALUMNI UTeM

**IMPULS** : Bolehkan saudara ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya sehingga kini?

**PRESIDEN** : Saya dilahirkan di Kuala Kubu Bharu, Selangor pada tanggal 2 Oktober 1983. Pendidikan sekolah rendah saya bermula di Sekolah Kebangsaan Sungai Selisek, Selangor dan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima, Selangor. Saya meneruskan tingkatan 4 dan 5 di Maktab Rendah Sains Mara Kuala Berang, Terengganu dan kemudiannya melanjutkan pengajian di Pusat Matrikulasi Kolej Kurniawan, Cheras. Pada tahun 2002 saya melanjutkan pelajaran di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) kini di kenali sebagai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan bergraduat dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan) pada tahun 2006. Saya memulakan kerjaya sebagai jurutera di Syarikat Firma Kejuruteraan MRJ Technologies Sdn Bhd sebagai Jurutera Mekanikal. Selepas setahun berkhidmat, saya menceburkan diri di dalam arena perniagaan dengan membuka syarikat berteraskan kejuruteraan iaitu G2COM Technologies Sdn Bhd dan berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif.

**IMPULS** : Pihak AUTeM akan menerbitkan buletin IMPULS mulai tahun ini. Apakah pandangan dan harapan saudara terhadap IMPULS ?

**PRESIDEN** : Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat terutamanya kepada sidang redaksi IMPULS. Saya yakin dan percaya IMPULS akan memainkan peranan sebagai lidah rasmi penyampai dan jambatan penghubung antara sahabat alumni dan *Alma Mater*. Jadikanlah IMPULS sebagai satu koleksi peribadi anda dan berbanggallah menjadi sebahagian daripada Alumni UTeM. Saya juga berharap agar IMPULS ini diterbitkan secara konsisten dan tidak terhenti di pertengahan jalan kerana ketandusan berita dan maklumat.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**IMPULS** : Saudara merupakan produk ataupun "output" Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM). Bagaimana pula dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ?

**PRESIDEN** : Ya, memang benar. Saya berbangga kerana saya adalah produk KUTKM. Saya merasakan pertukaran nama ini menggambarkan keseriusan pihak kerajaan untuk memberi nafas baru melalui penjenamaan semula universiti agar platform untuk bersaing diperingkat global lebih luas dan kukuh. Kepada sahabat-sahabat alumni yang bergraduat semasa arena KUTKM, kita adalah secara automatik telah di tukar nama sebagai alumni UTeM dan bernaung di bawah Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM).

**IMPULS** : Apakah harapan dan impian saudara kepada AUTeM dan sahabat-sahabat alumni yang lain?

**PRESIDEN** : Harapan saya kepada persatuan ialah agar AUTeM ini akan terus mengekal tanggungjawabnya sebagai jambatan penghubung ataupun pemudah cara kepada *Alma Mater*. Pihak AUTeM perlu matang dan bijak agar lebih profesional dan melakukan tindakan lebih rasional dalam satu-satu keputusan yang hendak diambil. AUTeM adalah hak semua alumni KUTKM dan UTeM. Marilah semua sahabat-sahabat alumni di luar sana agar kembali pulang ke *alma mater* dengan bertindak sebagai hub kepakaran dan sumber rujukan adik-adik kita. Sesungguhnya impian untuk memiliki Rumah Alumni UTeM, Yayasan Alumni UTeM, Pejabat Urusan Alumni UTeM dan pelbagai lagi kejayaan lain telah lama diimpikan oleh pihak persatuan. Marilah semua sahabat alumni di luar sana untuk bersama-sama pihak persatuan dan *Alma Mater* untuk merealisasikan semua yang kita impikan. Insya Allah...

**IMPULS** : Nampaknya saudara presiden begitu bersemangat untuk membawa Persatuan ini jauh ke hadapan. Tahniah dan syabas di ucapkan. Doa kami di IMPULS akan saudara dan rakan-rakan di dalam persatuan akan terus maju jaya dan diberikan kekuatan olehNya dalam melaksanakan tugas sehari-hari. Amin.... Terima kasih Saudara Presiden.



**“ Saya berbangga kerana saya adalah produk KUTKM. Saya merasakan pertukaran nama ini menggambarkan keseriusan pihak kerajaan untuk memberi nafas baru melalui penjenamaan semula universiti agar platform untuk bersaing diperingkat global lebih luas dan kukuh ”.**



# PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



Y.Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan  
VICE CHANCELLOR



Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah  
DEPUTY VICE CHANCELLOR  
(ACADEMIC & INTERNATIONAL)



Y.Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar  
bin Mohamad Diah  
DEPUTY VICE CHANCELLOR  
(RESEARCH & INNOVATION)



Assoc. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang  
DEAN  
STUDENT AFFAIRS & ALUMHI



Encik Hasan bin Sirun  
REGISTRAR



Encik Khalid bin Taib  
BURSAR



Puan Hj. Faridah binti Hj. Md. Amin  
CHIEF LIBRARIAN



Prof. Dr. Zainal Anip bin Zakariah  
ACTING DEAN  
FACULTY OF  
ELECTRICAL ENGINEERING



Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor  
bin Husain  
DEAN  
FACULTY OF ELECTRONICS &  
COMPUTER ENGINEERING



Prof. Dr. Mohd Ridzali bin Muhamad  
DEAN  
FACULTY OF  
MANUFACTURING ENGINEERING



Assoc. Prof. Dr. Md. Razali bin Sa'id  
DEAN  
FACULTY OF  
MECHANICAL ENGINEERING



Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @  
Shihabuddin  
DEAN  
FACULTY OF INFORMATION &  
COMMUNICATION TECHNOLOGY



Prof. Dr. Hj. Md. Taib bin Hj. Doru  
DEAN  
LANGUAGE AND HUMAN  
DEVELOPMENT



Prof. Dr. Murtizon bin Sulaiman  
DEAN  
CENTRE FOR GRADUATE STUDIES



Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar  
bin Mohd Yusof  
DEAN  
INSTITUTE OF TECHNOLOGY MANAGEMENT  
& ENTREPRENEURSHIP



Assoc. Prof. Jurnin binti Sabah  
ACTING DEAN  
UNIVERSITY INDUSTRY CENTRE



Assoc. Prof. Dr. Harisah binti Husain  
DIRECTOR  
CENTRE FOR  
TEACHING AND LEARNING



Assoc. Prof. Shohdan bin Md. Lari  
DIRECTOR  
CENTRE FOR QUALITY  
ASSURANCE  
AND ACCREDITATION



Puan Hj. Noraida binti Aflon  
DIRECTOR  
DEVELOPMENT & ASSET MANAGEMENT



Encik Mohd Isa bin Mohd Diah  
DIRECTOR  
COMPUTER CENTRE

## SENARAI AKTIVITI / PROGRAM PERSATUAN ALUMNI UTEM [AUTeM] SEPANJANG TAHUN 2007

- Nama Program** : Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Alumni KUTKM Kali Pertama

**Tarikh** : 6 Januari 2007

**Tempat** : Hotel City Bayview, Melaka
- Nama Program** : Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Alumni KUTKM Kali Pertama

**Tarikh** : 6 Januari 2007

**Tempat** : Hotel City Bayview, Melaka
- Nama Program** : Majlis Pelancaran Alumni Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia & Majlis Makan Malam Sireh Pulang Ke Gagang

**Tarikh** : 6 Januari 2007

**Tempat** : Hotel City Bayview, Melaka
- Nama Program** : Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Persatuan Alumni KUTKM

**Tarikh** : 7 Januari 2007
- Nama Program** : Majlis Kunjung Hormat Persatuan Alumni KUTKM Bersama Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni KUTKM

**Tarikh** : 29 Januari 2007

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni KUTKM
- Nama Program** : Bengkel Pelan Strategik Persatuan Alumni UTeM (AUTeM)

**Tarikh** : 24 - 25 Februari 2007

**Tempat** : Hotel Seri Malaysia Ayer Keroh, Melaka
- Nama Program** : Pameran Kerjaya UTeM 2007

**Tarikh** : 4-6 April 2007

**Tempat** : Kampus Industri UTeM
- Nama Program** : Lawatan Rasmi Ke Pejabat Perhubungan Alumni & Rumah Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang

**Tarikh** : 7-8 Jun 2007

**Tempat** : Pulau Pinang
- Nama Program** : Sesi Pembentangan Portal Alumni UTeM Bersama Y.Bhg. Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Unit Alumni & Kerjaya UTeM

**Tarikh** : 14 Jun 2007

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM
- Nama Program** : Majlis Bersama Alumni Bersempena Minggu Haluan Siswa UTeM Sesi 2007 / 2008

**Tarikh** : 3 Julai 2007

**Tempat** : Dewan Seri Negeri Ayer Keroh, Melaka
- Nama Program** : Lawatan Rasmi Ke Pejabat Perhubungan Alumni & Rumah Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Tarikh** : 11 September 2007

**Tempat** : Selangor
- Nama Program** : Majlis Berbuka Puasa Dan Ramah Mesra Dekan HEPA Bersama Persatuan Alumni UTeM

**Tarikh** : 4 Oktober 2007

**Tempat** : Hotel Century Melaka
- Nama Program** : Majlis Kunjung Hormat Persatuan Alumni UTeM Bersama Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Zolkepli Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM

**Tarikh** : 21 November 2007

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM






# MESYUARAT AGUNG KALI PERTAMA



# MAJLIS SAMBUTAN AMBANG MERDEKA 2007



# MAJLIS SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN UTEM 2007







## MAJLIS MAKAN MALAM



## PERTANDINGAN REKACIPTA ALAT PERMAINAN



## FORUM PERDANA SEMPENA PESTA KONVO UTEM KE 3, 2007





# CARTA ORGANISASI

## AJK ALUMNI UTeM 07/09



Presiden  
Azrul Aziz



Timbalan Presiden  
Mohd Syumaimi Rameli



Setiausaha  
Shafika Hani Mohd Bakri



Pen. Setiausaha  
Noraisah Kamaruddin



Bendahari Kehormat  
Mohd Ludin Mohamed Rahim



Pengarah  
Hubungan Antarabangsa  
& Keahlian  
Al-Amin Mohamad Sultan



Timbalan Pengarah  
Kebajikan, Agama & Sukan  
Suzilawati Abdulliah



Pengarah  
Pendidikan &  
Pembangunan Insan  
Mohd Khairi Mohd Zamri



Timbalan Pengarah  
Latihan & Pendidikan  
Kapten Punavesvaran



Pengarah  
Keusahawanan & Kerjaya  
Abdul Azim Abdul Manaf



Timbalan Pengarah  
Keusahawanan & Kerjaya  
Mohd Salim Mohd Yunus



Pengarah  
Pemasaran &  
Pengumpulan Dana  
Mohd Nurul Fakhri Hashim



Timbalan Pengarah  
Pemasaran &  
Pengumpulan Dana  
Noor Azalina Abd Razak



Pengarah  
Multimedia & Penerbitan  
Mohd Asmizar Abu Bakar



Timbalan Pengarah  
Multimedia & Penerbitan  
Haliza Nayan

## HEPA anjurkan Majlis Pelancaran Alumni dan Majlis Makan Malam Sireh Pulang Ke Gagang

**BANDARAYA MELAKA**, 6 Jan : Unit Alumni & Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Alumni dan Majlis Makan Malam Sireh Pulang Ke Gagang buat julung kalinya di Hotel City Bayview, Melaka.

Majlis yang dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong ini tampak meriah dengan kehadiran seramai 380 orang tetamu yang terdiri dari Ahli Lembaga Pengarah UTeM, pihak pengurusan tertinggi Universiti, staf dan alumni UTeM sendiri. Majlis ini dimulakan dengan ucapan Presiden Persatuan Alumni UTeM, Saudara Azrul Aziz dan diikuti dengan ucapan perasmian oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM. Majlis kemudian diserikan dengan persembahan multimedia dan sesi memperkenalkan barisan jawatankuasa Persatuan Alumni UTeM kepada Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM dan pengurusan tertinggi Universiti. Turut sama dalam sesi memperkenalkan barisan jawatankuasa tersebut ialah Naib Canselor UTeM, Datuk Prof. Ismail Hassan dan Dekan HEPA, Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain.



Tetamu dan para jemputan Majlis Makan Malam ini turut dihiburkan dengan persembahan orkes-tra Unit Kebudayaan HEPA. Cenderamata berbentuk 'tepak sireh' yang menjadi simbolik tema makan malam Alumni telah disampaikan oleh Saudara Azrul Aziz, Presiden Alumni UTeM kepada Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong.



# Unit Alumni & Kerjaya HEPA anjurkan Mesyuarat Agung Persatuan Alumni UTeM Kali - 1



**BANDARAYA MELAKA**, 6 Jan : Unit Alumni dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Jawatankuasa Pelaksana Mesyuarat Agung Persatuan Alumni telah menganjurkan Mesyuarat Agung Persatuan Alumni KUTKM buat julung kalinya.

Majlis telah diadakan di Hotel City Bayview ini dihadiri oleh 200 orang alumni yang merangkumi alumni yang telah bekerja dan alumni yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UTeM. Majlis perasmian Mesyuarat Agung ini telah disempurnakan oleh Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM. Antara lain, Dekan HEPA menekankan alumni melalui persatuannya hendaklah merancang aktiviti-aktiviti dan program alumni, di samping menggalakkan alumni untuk terlibat dalam pungutan dana bagi membantu membangunkan persatuan. Di samping itu, menurut beliau, persatuan ini juga sewajarnya digunakan sebagai landasan untuk ahli alumni berkongsi pengalaman, memberi input serta bertukar fikiran dan pandangan bagi membangunkan *alma mater*. Ini termasuklah berkongsi maklumat berkaitan dengan kepakaran dan persaingan dalam bidang masing-masing serta membina rangkaian dengan Universiti dan komuniti Universiti.

Majlis diteruskan dengan sesi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama, Persatuan Alumni UTeM. Dalam mesyuarat ini, sesi pemilihan Jawatankuasa Persatuan telah berjaya dibentuk oleh Alumni adalah seperti berikut:

- |     |   |   |                                  |
|-----|---|---|----------------------------------|
| 1.  | Pengerusi Tetap                           | : | Mohd Rahshidi bin Zakaria        |
| 2.  | Timbalan Pengerusi Tetap                  | : | Abdullah Shuhaimi bin Rozlan     |
| 3.  | Presiden                                  | : | Azrul bin Aziz                   |
| 4.  | Timbalan Presiden                         | : | Mohd Syumaimi bin Rameli         |
| 5.  | Setiausaha Agung                          | : | Shafika Hani binti Mohd Bakri    |
| 6.  | Naib Setiausaha Agung                     | : | Noraisah binti Kamarudin         |
| 7.  | Bendahari Kehormat                        | : | Mohd Ludin bin Mohamed Rahim     |
| 8.  | Pengarah Keusahawanan & Kerjaya           | : | Abdul Azim bin Abdul Manaf       |
| 9.  | Pengarah Pendidikan & Pembangunan Insan   | : | Md Salim bin Md Yunus            |
| 10. | Pengarah Penerbitan & Multimedia          | : | Mohd Khairi bin Mohd Zambri      |
| 11. | Pengarah Hubungan Antarabangsa & Keahlian | : | Kapten Puvaneshwaran a/l Perumul |
| 12. | Pengarah Pemasaran & Pengumpulan Dana     | : | Mohd Asmizar bin Abu Bakar       |
|     |   | : | Haliza binti Nayan               |
|     |   | : | Al-Amin bin Mohamed Sultan       |
|     |   | : | Suzilawati binti Abdullah        |
|     |   | : | Mohd Nurul Fakhri bin Hashim     |
|     |   | : | Noor Azalina binti Abd Razak     |





# Unit Alumni & Kerjaya dan Persatuan Alumni UTeM Ke USM

Pulau Pinang, 8 Jun : Unit Alumni & Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Persatuan Alumni UTeM telah mengadakan Lawatan Rasmi ke Pejabat Perhubungan Alumni dan Rumah Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.

Delegasi yang diketuai oleh Penolong Pendaftar Unit Alumni & Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, En. Tinta Firmannika Selamat dan enam anggota delegasi iaitu En. Syamsul Iqbal Mohd Akin (Unit Alumni & Kerjaya HEPA), En. Azrul Aziz (Presiden Persatuan Alumni UTeM), En. Mohd Ludin Mohamed Rahim (Bendahari) dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan telah mengadakan pertemuan dengan Pengurus Pejabat Perhubungan Alumni USM, Puan Sharifah Munirah Al-Idrus dan para pegawainya di Pejabat Perhubungan Alumni USM.

Dalam pertemuan hampir dua jam tersebut, pelbagai pandangan dan isu telah dibangkitkan dan diperbincangkan bersama oleh Unit Alumni dan Kerjaya HEPA UTeM dan Persatuan Alumni UTeM dalam konteks mendapatkan input-input berkaitan khususnya dalam keberkesanan mendirikan Rumah Alumni Universiti di samping penjaan kewangan persatuan.

Delegasi dari Melaka turut dijamu makan tengahari oleh Pejabat Perhubungan Alumni USM. Di sesi petang pula, delegasi telah di bawa melawat ke Rumah Alumni USM dan diberi penerangan ringkas tentang sejarah penubuhan Rumah Alumni USM. Di akhir sesi lawatan, sebagai tanda kenangan, pertukaran cenderamata diadakan di antara kedua belah pihak.

Menurut Penolong Pendaftar Unit Alumni dan Kerjaya UTeM Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM, program lawatan rasmi ke USM ini adalah yang kedua diadakan di antara Unit Alumni & Kerjaya dan Persatuan Alumni UTeM, selepas lawatan ke UTM Skudai. Menurut beliau lagi, pelbagai siri lawatan rasmi ke Instituti Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti di sekitar Lembah Klang sedang dirangka khususnya dalam memantapkan organisasi unit dan persatuan agar seiring dan sejalan dalam mencapai misi dan visi UTeM.



اوتنوم ستج، تیکنیکل ملایسا ملاک


## HEPA dan Fakulti anjurkan Pameran Kerjaya UTeM 2007

**KAMPUS INDUSTRI,-** 5 April : Unit Alumni & Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Fakulti dan Pusat Universiti – Industri (UNIC) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Pameran Kerjaya UTeM 2007 buat julung kalinya.

Program selama tiga hari ini telah diadakan di Kampus Industri UTeM dimana sasaran utama program ini adalah pelajar tahun akhir. Pameran Kerjaya UTeM 2007 ini menghimpunkan sebanyak 30 buah agensi / syarikat / industri bagi mengadakan pameran peluang kerjaya di agensi / syarikat / industri masing-masing yang bertujuan memberi pendedahan kepada bakal-bakal graduan UTeM tentang peluang pekerjaan yang terdapat dalam pasaran pekerjaan. Di antara program yang berlangsung sepanjang Pameran Kerjaya UTeM 2007 ini adalah sesi temuduga terbuka, ceramah kerjaya, pameran syarikat dan lain-lain lagi.

Majlis perasmian Pameran Kerjaya UTeM 2007 ini telah disempurnakan oleh Y.B Datuk Hj. Yaakub Md Amin, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran dan Pengajian Tinggi Melaka yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tangga Batu. Antara lain, beliau menekankan tentang kepentingnya bakal graduan mempunyai kemahiran generik (soft skills) bagi membolehkan mereka memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam dunia pekerjaan yang sebenar. Menurut beliau juga kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja secara berkumpulan dan sebagainya merupakan ciri-ciri yang amat perlu difahami, dikuasai dan seterusnya mampu diamalkan oleh setiap graduan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi.

Di antara syarikat yang turut menjayakan Pameran Kerjaya UTeM 2007 ini adalah Petronas, Unisem (M), PPK Technology Sdn. Bhd., National Institute Of Occupational Safety and Health Malaysia (NIOSH), Cubic Electronics Sdn. Bhd., Huntsman Tioxide (Terengganu), Job Market Malaysia Sdn. Bhd., Pejabat Tenaga Kerja Negeri Melaka, Pioneer Technology (Malaysia) Sdn. Bhd. dan lain-lain lagi.





## Introduction:

The following free tips will give you some guidance on how to make a resume. But keep in mind that these free tips are just guidelines. Everyone's background is different so there's no single formula on how to make a resume that fits all cases. So use these tips to guide your thought process but trust your own common sense on how to handle specific issues when you make your own resume.

## How to make a resume:

### \* Here's how to make a resume that will get you noticed:

- Before you write the first word of your resume, determine the position and industry you want to target. Then make an outline of your presentation and fill in the details of your background making sure you keep the focus on your target.
- Avoid the functional resume format. Too many negatives associated with it.
- The general rule for page length is 1 page for typical entry level college students and 2 pages for everyone else. There can be exceptions to this but the longer the resume, the less likely it will be read. So make sure your document is concise.
- Don't include a picture of yourself unless you're in an industry that requires a photograph (e.g., TV, theatre, film).
- Don't include personal information (marital status, children, date of birth, ethnicity) on a US style resume. Note that this information is generally acceptable when preparing an international CV.
- Put your name on the first line at the top of your resume in a large font with your contact information immediately below it. Don't include cell phone or pager numbers.
- Use a summary section "intro" on your resume to give the reader a brief picture of your background. Make this section very short and strong. Include a bulleted list in the experience section of your resume to showcase your accomplishments. Make these statements short and strong. Use quantifiable information and action verbs.
- Use a font size between 10 and 12 for your resume's body text. Choose a font that's compatible with Resumix and other applicant tracking systems that employers use.
- If you have negative information in your background, try to avoid including it on your resume if you can. If you can't, then make sure you present it in a way that lessens the negative impact. For example, often older workers attempt to disguise their age by omitting their dates of employment and college graduation dates.
- This approach rarely fools anyone and actually can backfire by making the reader say to himself/herself: "If this candidate is worried about their age, maybe I should be worried about it, too". I recommend turning negative issues such as age into positives. Always turn your lemons into lemonade.
- Watch the tone of your resume. Don't write in an arrogant, pompous, or self-serving manner. You're going to have a tough time selling yourself to a prospective employer if he/she feels you're talking down to them.
- Make sure your resume is accurate and be honest with what you say. It's OK to present yourself in the best light you can but an outright lie can hurt you later on if the truth comes out. It happens all the time.
- Don't include salary information or your references on your resume document.
- Once you've finalized your resume, make sure you make all the file conversions you will need in your job search. Other files you may need in addition to your word processed file include an ASCII .txt file for "cutting and pasting" into e-mail messages and posting on job boards, an Adobe .pdf file for sending as attached files, and an HTML file for putting your resume on a web page.



## BORANG KEAHLIAN PERSATUAN ALUMNI

### Maklumat Peribadi

Nama : \_\_\_\_\_  
 No. K/P : \_\_\_\_\_  
 Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_  
 No. Matrik (semasa di UTeM) : \_\_\_\_\_

Maklumat Pekerjaan  
 Jawatan : \_\_\_\_\_  
 Tahun Mula Bertugas : \_\_\_\_\_

Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_  
 Email : \_\_\_\_\_

Alamat Tetap : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

### Latar belakang Pendidikan UTeM

Kelulusan Tertinggi	Fakulti	Tahun

### Pendidikan Selain Daripada UTeM

Kelulusan Tertinggi	Fakulti	Tahun

Bersama-sama ini disertakan cek atau wang pos bernilai RM10.00 di atas nama "Persatuan Alumni UTeM"

Tandatangan \_\_\_\_\_

Tarikh :



# 10 KELEBIHAN ILMU BERBANDING HARTA

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana ilmu adalah pusaka nabi-nabi, manakala harta adalah pusaka Qarun dan Firaun.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana ilmu memelihara kamu, tetapi kamu pula yang memelihara harta.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana orang yang berilmu ramai taulannya dan sebaliknya orang yang berharta ramai seterunya.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana ilmu apabila dinafkahkan akan bertambah, tetapi harta pula apabila dinafkahkan akan berkurangan.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana orang yang berilmu diseru dengan nama yang mulia, manakala orang yang berharta diseru dengan nama bakhil.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana ilmu tidak perlu dipelihara daripada pencuri, tetapi harta perlu dipelihara daripada pencuri.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana orang yang berilmu akan diberi syafaat di akhirat nanti, manakala orang yang berharta akan dihisab hartanya.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana ilmu tidak akan binasa, manakala harta pula akan binasa.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana ilmu itu melembutkan hati dan harta pula mengeraskan hati.

**Ilmu** lebih baik daripada harta kerana yang berilmu mendakwa kehambaan dan yang berharta mendakwa ketuhanan.

SAIDINA ALI K.W

## PELUANG BAGI SISWA MENGANGGUR

\*Bukan baru kini kita mendengar tentang siswazah menganggur. Masalah ini diburukkan lagi selepas kemelesetan ekonomi pada 1997.

Namun kerajaan telah sedar akan masalah ini dan telah mengambil beberapa inisiatif untuk membantu siswazah menganggur. Salah satunya, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah menganjurkan satu program yang dinamakan Skim Usahawan Siswazah (SUS). Tujuan utama skim SUS ini adalah untuk memberi pendedahan kepada lepasan pusat pengajian tinggi awam dan swasta terhadap bidang keusahawanan dan perniagaan. Program ini juga telah diperkenalkan di universiti-universiti untuk memberi pendedahan kepada para pelajar universiti yang masih menuntut.

Malahan bukan semata-mata kursus tetapi kerajaan juga telah memperuntukkan dana Tabung Usahawan Siswazah (TUS) sebagai langkah membiayai golongan siswazah yang berminat untuk menjadi usahawan.

Walaupun demikian, masih ramai siswazah yang tidak cuba untuk mengambil peluang yang terbuka luas ini. Masing-masing mengharapkan untuk bekerja makan gaji dan kerana inilah kadar pengangguran semakin meningkat. Entah di mana silapnya. "Nasi yang terhidang" tidak juga mahu disentuh.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



### PERSATUAN ALUMNI UTeM

D/A: Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, 75450, Melaka, Malaysia

Telefon : +606-233 2146/2669 Faks : +606-233 2441/2140